



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**29 DISEMBER 2017 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- MPAJ dipersoal lulus lessen perniagaan sesuka hati

26



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**29 DISEMBER 2017 (JUMAAT)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	MPAJ dipersoal lulus lesen perniagaan sesuka hati
Muka Surat	26

## MPAJ dipersoal lulus lesen perniagaan sesuka hati

**KUALA LUMPUR 28 Dis.** - Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Taman Muda Selangor mempersoalkan tindakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang didakwa meluluskan lesen kepada seorang peniaga 'Rambo'.

Pengerusinya, Chow Chee Keen berkata, baru-baru ini individu berkenaan telah merampas sebuah tapak perniagaan dengan alasan mempunyai lesen dan kebenaran daripada pihak berwajib.

Beliau berkata, pihaknya dan pemilik perniagaan itu, Lim Kean Win telah membuat laporan polis berhubung perkara tersebut ekoran kesal apabila melihat peniaga sewenang-wenangnya ditindas.

"Pemilik tapak itu telah berniaga di sini sejak 2015 untuk menyara empat orang anak dan ibu bapa, sepanjang tempoh ber-



**BEN LEW POK BOON (kiri) bersama Lim Kean Win menunjukkan lesen perniagaan yang pendaftarannya diragui di Taman Muda, Ampang Selangor baru-baru ini.**

kennan mereka juga membuat permohonan lesen namun ditolak.

"Bagaimanapun, menjadi tan-

da tanya kenapa peniaga 'Rambo' itu begitu mudah mendapat lesen daripada MPAJ sedangkan nasib peniaga lain masih terumbang-

aming," katanya dalam sidang akhbar di sini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Parti Gerakan, Ben Liew Pok Boon.

Tambah Chee Keen, kehadiran peniaga 'Rambo' tidak diterima di kawasan itu memandangkan telah menjejaskan pendapatan peniaga lain.

Sementara itu, Kean Win memberitahu, dia terpaksa menanggung kerugian hampir RM3,000 apabila peniaga berkenaan mengambil tapak perniagaannya secara paksa.

"Saya tidak dapat menjalankan perniagaan hampir seminggu, buah-buahan pula menjadi busuk dan terpaksa dibuang, mujur pihak persatuan membantu untuk mendapatkan semula tapak perniagaan ini," katanya.



**PENJAJA buah-buahan Teoh Yoke Feng mendakwa memohon lesen perniagaan sejak tahun 2015 untuk menjalankan perniagaan di Taman Muda, Ampang tetapi ditolak MPAJ tanpa sebarang alasan.**